



JALANI TERAPI:
Seorang pesakit Gandhi Mailvahanam Somukanaya menjalani sesi terapi di Hospital Alexandra untuk 'berjalan semula' – Foto BH oleh GAVIN FOO.

Program baru bantu pesakit saraf 'jalan semula'

SATU kajian melibatkan sekumpulan pesakit yang tidak boleh berjalan kerana masalah saraf sedang dilakukan untuk membantu mereka berjalan semula.

Ini dilakukan dengan pemasangan exoskeleton bionik – sejenis rangka luar yang menyokong dan melindungi tubuh – terhadap pesakit semasa rawatan pemulihan.

Program Memperbaiki Pergerakan menerusi Exoskeleton (iMove) di bawah Yayasan Temasek itu akan mengkaji kesannya terhadap pesakit dan menilaikan kemampuan dan potensi kegunaan rangka robotik itu di pusat-pusat pemulihan, dari hospital hingga kepada masyarakat.

Rangka itu diharap dapat memperbaiki pergerakan dan menggalak kehidupan yang lebih berdikari di kalangan pesakit, terutama warga tua, yang mengalami keadaan seperti angin ahmar dan kecederaan tulang belakang, kata Profesor John Wong Eu Li, Ketua Eksekutif Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), lapor akhbar *The Strait Times*.

Beliau bercakap dalam majlis pelancaran program itu di Hospital Alexandra semalam.

Peranti yang digerakkan dengan bantuan robotik semakin banyak membantu ahli-ahli terapi untuk menyediakan rawatan berintensiti tinggi, berulang-ulang dan latihan yang diarahkan – sesuatu yang sukar diteruskan pesakit sebaik mereka keluar hospital, tambah beliau.

Strok merupakan punca utama kes yang menyebabkan seseorang hilang daya bergerak dengan setiap tahun jumlah kesnya meningkat, daripada 5,500 kepada 7,400 sepanjang sedekad lalu.

Rangka bionik itu akan digunakan di lima pusat rakan kongsi NUHS, iaitu Hospital Alexandra, NTUC Health, St Luke's Eldercare, Hospital St Luke's dan Stroke Support Station.

NUHS merupakan sistem kesihatan nasional pertama di Asia yang menjalankan kajian tentang teknologi peningkatan exoskeleton yang dapat memperbaiki pergerakan dan kesan rehabilitasi dalam sistem penjagaan.

Pertubuhan dermawan, Yayasan Temasek dan pertubuhan tanpa keuntungan, Yayasan Trailblazer akan menyediakan \$1.34 juta untuk membiayai pembelian rangka tersebut dan melatih 12 ahli fisioterapi menggunakan peranti tersebut.

Rangka itu dibekalkan daripada syarikat Amerika Syarikat, Ekso Bionics.

Antara rancangan pelaksanaan program ini termasuk melatih 400 pesakit, dengan 80 peratus daripada mereka berusia 66 tahun ke atas, kata Dr Effie Chew, ketua Perkhidmatan Rehabilitasi di Hospital Alexandra.

Empat daripada enam pesakit yang telah selesai menjalani program ini telah menunjukkan kemajuan dalam sekurang-kurangnya satu kategori pergerakan, tambah Dr Chew.

Pesakit mungkin layak untuk disertakan dalam program kajian ini jika mereka tidak boleh berjalan sendiri dan keadaan mereka akan dinilai oleh ahli fisioterapi dan doktor.

"Sut rangka itu akan membolehkan latihan pergerakan secara konsisten terhadap sendi-sendi mereka kerana motor pada bahagian pinggul, lutut dan buku lali boleh disesuaikan bergantung sejauh mana bantuan diperlukan untuk menggerakkan pesakit," kata ahli fisioterapi di Hospital St Luke's, Encik Yap Thian Yong.